

PERANAN PUSAT PERKHIDMATAN LUAR BANDAR
DI ZON PELANCONGAN KHAS NEGARA

MOHAMAD AZAL FIKRY BIN ALI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Doktor Falsafah (Perancangan Bandar dan Wilayah)

Fakulti Alam Bina Dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2019

DEDIKASI

Khas Kepada;
Abah dan Mama Tersayang
Kakak dan Adik-adikku
Isteri Tercinta
Penyelia Kajian
serta
Rakan-Rakan Seperjuangan

Terima Kasih
Atas Segala Sokongan dan Bantuan Kalian

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bersyukur ke hadrat Ilahi di atas limpah dan rahmatnya kajian dan penulisan ini dapat disiapkan hingga ke akhirnya. Jutaan terima kasih kepada **Abah dan Mama** (Ali Bin Mohamad Rezuki dan Che Puteh Bt. Hj Hanapi), **ahli keluarga** yang lain (Asdayanty Ali, Assraf Ali, Addilah Ali) serta **isteri tercinta** (Aminah bt Abu Hassan) di atas dorongan dan sokongan kalian. Segala pengorbanan dan kepayahan kalian dalam memberi sokongan moral dan dorongan semasa menyiapkan pengajian ini tidak dapat dibalas dan sangat dihargai. Tidak dilupakan juga, **Prof Madya. TPr. Dr. Hamid Bin Saad**, selaku penyelia kajian yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan seliaan dalam pengajian selama ini. Jutaan terima kasih diatas segala tunjuk ajar, ilmu dan pengalaman yang dicurahkan selama dalam pengajian ini yang tidak mungkin dapat dibalas. Semoga segala jasa, usaha dan pengorbana kalian itu, di balas lebih baik oleh Allah S.W T. Harapan saya, dengan ilmu yang dicurahkan, keberkatannya dapat menjadi panduan dan dorongan bagi saya memajukan diri dalam bidang kajian luar bandar pada masa hadapan.

جَزَاكُمُ اللَّهُ خَيْرًا

ABSTRAK

Pusat perkhidmatan luar bandar (PPLB) bukan sahaja berperanan penting sebagai tumpuan bagi aktiviti ekonomi dan pemusatan kemudahan, tetapi juga menyediakan perkhidmatan kepada aktiviti pelancongan luar bandar. Walau bagaimanapun isu-isu seperti akses pelancongan di kawasan luar bandar yang terhad, pengagihan fungsi kemudahan yang tidak seimbang dan penyediaan yang terhad serta kekangan sumber dana penyelenggaraan telah menyebabkan pertumbuhan PPLB yang berpotensi untuk aktiviti pelancongan yang perlahan terutamanya di Zon Pelancongan Khas Negara (ZPKN). Persoalan yang timbul adalah bagaimana sesuatu fungsi itu menyumbang kepada kekuatan atau kelemahan sesebuah PPLB. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kekuatan (penawaran) PPLB yang menyokong aktiviti pelancongan, menentukan fungsi asas yang membentuk peranan sesebuah PPLB di ZPKN dan merumuskan peranan PPLB terhadap aktiviti pelancongan di ZPKN. Melalui persampelan rawak bersrta sejumlah 480 responden mengambil bahagian dalam kajian ini yang terdiri daripada 240 pelancong dan 240 peniaga. Data dikumpul melalui kaedah pemerhatian, temu bual mendalam, semakan laporan dan soal selidik. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menjawab objektif pertama kajian manakala analisis pekali letakan menggunakan indeks kepusatan digunakan bagi menjawab objektif kedua kajian. Berdasarkan analisis pekali letakan, PPLB yang mempunyai penawaran fungsi yang tinggi adalah Mersing dengan purata nilai 40.9 manakala PPLB yang menawarkan fungsi yang sangat terhad adalah di Sedili Besar dengan purata nilai 183.9. Tujuh (7) fungsi asas PPLB yang menyokong aktiviti pelancongan telah dikenal pasti. Daripada data ini, fungsi tradisional seperti pertanian (29 fungsi), perikanan (21 fungsi), pertukangan dan kraf tangan (10 fungsi) semakin merosot. Sebaliknya fungsi runcit (1550 fungsi), industri (150 fungsi), perkhidmatan moden (493 fungsi) dan pelancongan (103 fungsi) adalah semakin meningkat. Berhubung dengan objektif ketiga kajian, dapat dirumuskan bahawa PPLB yang dikaji mempunyai enam (6) peranan utama yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan. PPLB bertindak sebagai destinasi pelancong berbelanja bagi mendapatkan barangan asas, kemudahan penginapan, hub pengangkutan awam, kemudahan akses kredit dan kewangan, pusat informasi dan komunikasi pelancongan serta pusat perkhidmatan sampingan lain (kesihatan dan keselamatan). Implikasi dari kajian ini mendapati walaupun PPLB menyediakan fungsi yang terhad, pelancong tidak perlu bergerak jauh bagi mendapatkan akses kepada kemudahan ini. Impak teknologi dan media sosial telah menyebabkan barangan yang terhad boleh diperolehi dengan mudah dan cepat.

ABSTRACT

Rural service centres (PPLBs) do not only play a vital role as focal points for economic activities and centralisation of facilities, but also in providing services for rural tourism activities. However, issues like limited access to tourism in rural areas, disproportionate distribution and limited provision of facilities, as well as constraints on maintenance funding sources have resulted in the slower growth of some PPLBs with potential for tourism activities, particularly those in the National Special Tourism Zone (ZPKN). The question that arises is how a specific function contributes to the strengths or weaknesses of a rural service centre (PPLB). Hence, this study aimed to measure the strength (supply) level of PPLBs that supports tourism activities, determine the basic functions that form the role of a PPLB in the ZPKN, and summarise the roles of PPLBs in tourism activities in the ZPKN. Through stratified random sampling, a total of 480 respondents participated in this study, of whom 240 were tourists, while the other 240 were entrepreneurs. Data were collected via observation, depth interview, report appraisal and questionnaire survey. Descriptive statistics were employed to answer the first research objective, while location coefficient analysis through centrality index was used to achieve the second research objective. Based on the location coefficient analysis, the PPLB offering the most functions was in Mersing with a mean value of 40.9, while the PPLB offering the least functions was in Sedili Besar with a mean value of 183.9. Seven (7) fundamental functions of PPLBs, which support tourism activities, were identified. Of these, traditional functions involving agriculture (29 functions), fishery (21 functions), carpentry and handicraft (10 functions), were on a decline. In contrast, functions involving retail (1550 functions), industry (150 functions), modern services (493 functions) and tourism (103 functions) were on the rise. In relation to the third research objective, it can be summarised that the PPLBs studied had six (6) main roles pertaining to tourism activities. PPLBs acted as destinations for tourists to gain access to basic necessities, accommodation, public transportation hub, credit and financial facilities, tourist information and communication centre and other supplementary services (health and safety). The implication is that although PPLBs provide limited functions, tourists do not have to travel far to gain access to these facilities. The impact of technology and social media has resulted in previously scarce commodities to be obtained easily and quickly.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xviii
	SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan masalah	3
	1.3 Persoalan kajian	7
	1.4 Matlamat dan objektif kajian	7
	1.5 Skop kajian	8
	1.8 Organisasi tesis	9
BAB 2	DEFINASI, TEORI DAN KONSEP PUSAT PERKHIDMATAN LUAR BANDAR	11
	2.1 Pengenalan	11
	2.1.1 Definisi dan pengertian	12

	TAJUK	MUKA SURAT
2.2	Teori dan konsep umum pembangunan reruang	14
	2.2.1 Teori kutub pertumbuhan	14
	2.2.2 Teori petempatan pusat	17
	2.2.3 Konsep bandar-luar bandar (Rurban Concept)	20
	2.2.4 Konsep rebakan bandar (Urban Sprawl)	21
	2.2.5 Konsep Wilayah Digital	22
2.3	Sistem petempatan dalam konteks pembangunan negara	24
	2.3.1 Hierarki petempatan di Malaysia	24
	2.3.2 Proses perbandaran	31
2.4	Peranan pusat perkhidmatan dalam pembangunan wilayah	33
	2.4.1 Fungsi dan ciri asas pusat perkhidmatan	36
	2.4.2 Kepentingan pusat perkhidmatan	41
2.5	Konsep pelancongan luar bandar	41
	2.5.1 Perkaitan pusat perkhidmatan luar bandar dengan aktiviti pelancongan	45
2.6	Kesimpulan	50
BAB 3	PUSAT PERKHIDMATAN DALAM DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN NEGARA	52
3.1	Pengenalan	52
3.2	Perkembangan dan perancangan pembangunan wilayah di Malaysia	53
	3.2.1 Dasar Ekonomi Baru (DEB)	55
	3.2.2 Dasar Pembangunan Nasional (NDP)	57
	3.2.3 Pembangunan luar bandar melalui Rancangan Malaysia (RMK)	61

	TAJUK	MUKA SURAT
3.3	Rancangan Fizikal Negara (RFN)	66
3.4	Rancangan Struktur Negeri (RSN)	69
3.5	Rancangan Tempatan Daerah (RTD)	71
	3.5.1 Rancangan Kawasan Khas (RKK)	74
3.6	Dasar Perbandaran di Malaysia	75
3.7	Dasar dan strategi pembangunan sektor pelancongan dalam pusat perkhidmatan	77
	3.7.1 Rancangan pembangunan sektor pelancongan	78
3.8	Latar Belakang Zon Pelancongan Khas Negara	80
	3.8.1 Struktur organisasi pentadbiran wilayah	82
	3.8.2 Sistem dan hierarki petempatan	86
	3.8.3 Taburan dan saiz penduduk	89
	3.8.4 Rangkaian perhubungan dan komunikasi	91
	3.8.5 Struktur ekonomi wilayah	93
3.9	Latar belakang fizikal pusat-pusat perkhidmatan kajian	95
	3.9.1 Struktur gunatanah pusat pekhidmatan	96
	3.9.2 Ciri letakkan pusat perkhidmatan	101
	3.9.3 Penyediaan kemudahan sosial semasa	103
	3.9.4 Daya tarikan dan produk pelancongan semasa	106
3.10	Kesimpulan	110

	TAJUK	MUKA SURAT
BAB 4	KERANGKA DAN METHODOLOGI KAJIAN	112
	4.1 Pengenalan	112
	4.2 Reka bentuk dan rangka kajian	113
	4.3 Kaedah persampelan	115
	4.3.1 Pemilihan responden kajian	116
	4.3.2. Pemilihan kawasan kajian	119
	4.4 Kajian rintis	122
	4.5 Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen	123
	4.5.1 Kesahan Instrumen	123
	4.5.2 Kebolehpercayaan instrumen	125
	4.6 Kaedah pengumpulan data	127
	4.6.1 Soal selidik	128
	4.6.2 Temu bual mendalam	129
	4.6.3 Pemerhatian dan pengamatan	131
	4.6.4 Semakan laporan	132
	4.7 Analisis Data dan Maklumat	134
	4.7.1 Analisis data kuantitatif	134
	4.7.2 Analisis data kualitatif	136
	4.8 Masalah dan batasan kajian	138
	4.9 Kesimpulan	139
 BAB 5	 FUNGSI SEMASA PUSAT PERKHIDMATAN DI DALAM ZON PELANCONGAN KHAS NEGARA	 141
	5.1 Pengenalan	141
	5.2 Klasifikasi fungsi bagi pusat perkhidmatan luar bandar	142

	TAJUK	MUKA SURAT
5.3	Taburan unit fungsi bagi pusat perkhidmatan luar bandar	148
5.3.1	Perniagaan dan komersil	148
5.3.2	Kemudahan sosial	151
5.3.3	Kemudahan pengangkutan	156
5.3.4	Kemudahan penginapan	162
5.4	Tahap kepusatan fungsi pusat perkhidmatan	164
5.5	Tahap penawaran dan perubahan fungsi pusat perkhidmatan	169
5.5.1	Kemerosotan fungsi tradisional kawasan kajian	170
5.5.2	Peningkatan penawaran fungsi perusahaan runcit dan IKS	172
5.5.3	Pemintaan fungsi pelancongan dan fungsi perkhidmatan moden	173
5.6	Kesimpulan	176
BAB 6	PERSEPSI PELANCONGAN TERHADAP PERANAN PUSAT PERKHIDMATAN	178
6.1	Pengenalan	178
6.2	Klasifikasi peranan pusat perkhidmatan dalam aktiviti pelancongan	180
6.3	Peranan pusat perkhidmatan dalam Zon Pelancongan Khas Negara	182
6.3.1	Sebagai destinasi berbelanja pelancong dan tempat mendapatkan barangan asas	183
6.3.2	Lokasi utama bagi mendapatkan kemudahan penginapan	187
6.3.3	Hub pengangkutan awam dan mobiliti bagi pelancong	189

	TAJUK	MUKA SURAT
	6.3.4 Pusat bagi kemudahan akses kredit dan kewangan	191
	6.3.5 Pusat informasi dan komunikasi pelancongan	192
	6.3.6 Pusat kesihatan, keselamatan dan perkhidmatan sampingan lain	194
	6.4 Kesimpulan	196
BAB 7	RUMUSAN DAN PENUTUP	198
	7.1 Pengenalan	198
	7.2 Ringkasan penemuan	200
	7.3 Implikasi penyelidikan	206
	7.4 Kajian lanjutan	215
	7.5 Penutup	218
	RUJUKAN	220
	SENARAI PENERBITAN	231
	LAMPIRAN	232

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Ringkasan Persoalan dan Objektif Kajian	8
Jadual 2.1	Hierarki Petempatan Bandar Menurut Christaller	19
Jadual 2.2	Hierarki Perbandaran Berdasarkan Dasar Perbandaran Negara	26
Jadual 2.3	Fungsi Asas Pusat Perkhidmatan Luar Bandar	38
Jadual	Ciri Asas Pusat Perkhidmatan dan Asas Penentuan Peranannya	39
Jadual 3.1	Anggaran Per Kapita Bagi Pertumbuhan KDNK Malaysia, 2020	82
Jadual 3.2	Senarai Pihak Berkuasa Tempatan yang Terlibat di Kawasan Kajian	85
Jadual 3.3	Hierarki Petempatan Semasa di Kawasan Kajian Berdasarkan Fungsi	86
Jadual 3.4	Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahun 1991 hingga 2010	89
Jadual 3.5	Agihan Peratusan Penduduk (Bandar-Luar Bandar) Mengikut Wilayah Pembangunan, 2020	90
Jadual 3.6	Gunatanah Tepu bina dan Tanah Kosong di Kawasan Kajian	97
Jadual 3.7	Gunatanah Semasa Utama Kawasan Kajian	99
Jadual 3.8	Letakkan Pusat Perkhidmatan dan Corak Perbandarannya	102
Jadual 3.9	Matriks Skalogram Kemudahan Sosial Sedia Ada di Kawasan Kajian	104
Jadual 3.10	Produk Pelancongan Utama di Kawasan Kajian	107
Jadual 4.1	Senarai Subjek bagi Kaedah Temu-Bual	118
Jadual 4.2	Pusat Perkhidmatan yang Menjadi Pilihan Kajian	120

Jadual 4.3	Nilai Cronbach Alfa bagi Soal-Selidik Pelancong	125
Jadual 4.4	Nilai Cronbach Alfa bagi Soal-Selidik Peniaga	126
Jadual 4.5	Fokus Temu Bual	130
Jadual 4.6	Semakan Laporan dan Dokumen	133
Jadual 5.1	Bilangan Premis Penginapan dan Jumlah Bilik di Kawasan Kajian	162
Jadual 5.2	Bilangan Premis dan Fungsi di Kawasan Kajian	165
Jadual 5.3	Indeks Kepusatan Fungsi Pusat PerkhidmatanKajian di Zon Pelancongan Khas	167
Jadual 5.4	Fungsi Perkhidmatan Moden	174
Jadual 5.5	Fungsi Pelancongan Kawasan Kajian	175
Jadual 6.1	Kriteria Asas Penentuan Peranan Pusat Perkhidmatan di Zon Pelancongan Khas Negara	181
Jadual 6.2	Peratusan Pusat Perkhidmatan yang Dikunjungi Pelancong untuk Berbelanja	186
Jadual 6.3	Medium Tempahan Pelancong Semasa Membuat Tempahan	193
Jadual 6.4	Bilangan Jenayah yang Melibatkan Pelancong	195

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1 (a)	Konsep penyediaan kemudahan masyarakat yang tidak baik	5
Rajah 1.1 (b)	Konsep penyediaan kemudahan masyarakat yang disarankan	5
Rajah 2.1	Pengertian Fungsi dan Peranan	12
Rajah 2.2	Definisi dan Pengertian	13
Rajah 2.3	Beberapa Konsep Kutub Pertumbuhan Diperkenalkan oleh Perroux	15
Rajah 2.4	Cadangan Hierarki Petempatan	25
Rajah 2.5	Hierarki Bandar	27
Rajah 2.6 (a)	Fungsi Hierarki Mudah	30
Rajah 2.6 (b)	Fungsi Hierarki Kompleks	30
Rajah 2.7	Perbezaan antara bandar dan luar bandar	32
Rajah 2.8	Komponen Infrastruktur Pelancongan	46
Rajah 2.9	Perkaitan Pusat Perkhidmatan dengan Kemudahan Aktiviti Pelancongan	47
Rajah 3.1	Strategi Pembangunan Wilayah dibawah DEB	54
Rajah 3.2	Pelan Lokasi Pihak Berkuasa Wilayah di Semenanjung Malaysia	56
Rajah 3.3	Kawasan Pihak Berkuasa Koridor (PBK)	58
Rajah 3.4	Perancangan Pembangunan di Malaysia	68
Rajah 3.5	Sistem Perancangan Pembangunan di Malaysia	69
Rajah 3.6	Visi dan Prinsip-Prinsip dalam Dasar Perbandaran Negara ke-3	76
Rajah 3.7	Strategi Pembangunan Serakan Tertumpu	81

Rajah 3.8	Agensi Pembangunan dan Pentadbiran di Kawasan Kajian	83
Rajah 3.9	Pusat Petempatan Utama dan Petempatan Kecil di Semenanjung Malaysia	88
Rajah 3.10	Rangkaian Pengangkutan Negara	92
Rajah 3.11	Petempatan Desa dan Potensi Kluster Ekonomi Luar Bandar	94
Rajah 3.12	Sumber Pelancongan Semulajadi	108
Rajah 3.13	Sumber Pelancongan Buatan Manusia	109
Rajah 4.1	Rangka Kajian	114
Rajah 4.2	Contoh Kaedah Persampelan Rawak Berstrata	115
Rajah 4.3	Persampelan Rawak Berstrata yang digunapakai Pengkaji	117
Rajah 4.4	Kriteria Pemilihan Pusat Perkhidmatan di Kawasan Kajian	119
Rajah 4.5	Kawasan Pilihan Kajian di Zon Pelancongan Khas Negara	121
Rajah 4.6	Prosidur Analisis bagi Data Kajian	134
Rajah 4.7	Kaedah Perekodan Data Kualitatif	137
Rajah 5.1	Klasifikasi Fungsi Pusat Perkhidmatan Luar Bandar	143
Rajah 5.2	Jenis Fungsi yang Berkekerapan Tinggi di Kawasan Kajian	145
Rajah 5.3	Matriks Skalogram Fungsi –Fungsi yang Terdapat di Pusat Perkhidmatan Kajian	147
Rajah 5.4	Matriks Skalogram Bilangan Unit Fungsi Komersil dan Perkhidmatan di Pusat Perkhidmatan Kajian	149
Rajah 5.5	Matriks Skalogram Bilangan Unit Fungsi Kemudahan Sosial di Pusat Perkhidmatan Kajian	155
Rajah 5.6	Matriks Skalogram Bilangan Unit Fungsi Institusi Pentadbiran di Pusat Perkhidmatan Kajian	155
Rajah 5.7	Jaringan Lebuhraya dan Jalanraya Utama di Kawasan Kajian	157
Rajah 5.8	Laluan Keretapi di Semenanjung Malaysia	159

Rajah 5.9	Matriks Skalogram Bilangan Unit Fungsi Kemudahan Pengangkutan di Pusat Perkhidmatan Kajian	161
Rajah 5.10	Matriks Skalogram Bilangan Unit Fungsi Pelancongan di Pusat Perkhidmatan Kajian	161
Rajah 5.11	Indeks Kepusatan Fungsi Pusat Perkhidmatan Kajian	167
Rajah 5.12	Kadar Kemerosotan Fungsi Tradisional Kawasan Kajian	171
Rajah 5.13	Fungsi Perusahaan Runcit dan IKS Kawasan Kajian	172
Rajah 6.1	Peranan Pusat Perkhidmatan Luar Bandar di Zon Pelancongan Khas	182
Rajah 6.2	Peratusan Pusat Perkhidmatan yang Menjadi Pilihan bagi Pelancong untuk Mendapatkan Barangan	184
Rajah 6.3	Peratusan Penginapan yang Menjadi Pilihan Pelancong Mengikut Jenis	188
Rajah 6.4	Peratusan Mod Pengangkutan Pilihan Pelancong untuk Bergerak	190
Rajah 7.1	Peranan-Peranan Pusat Perkhidmatan Luar Bandar di Zon Pelancongan Khas	204
Rajah 7.2	Ciri-ciri peranan bagi sebuah pusat perkhidmatan luar bandar berpaksikan pelancongan	216

SENARAI SINGKATAN

DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
DPF Desa Negara 2030	-	Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030
DPN	-	Dasar Perbandaran Negara
DPN2	-	Dasar Perbandaran Negara Kedua
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PPLB	-	Pusat Perkhidmatan Luar Bandar
RFN2	-	Rancangan Fizikal Negara Kedua
RFN3	-	Rancangan Fizikal Negara Ketiga
RKK	-	Rancangan Kawasan Khas
RSN	-	Rancangan Struktur Negara
RTD	-	Rancangan Tempatan Daerah
RW	-	Rancangan Wilayah
FELDA	-	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FELCRA	-	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
ICT	-	Teknologi Informasi dan Komunikasi
RMK	-	Rancangan Malaysia
IKS	-	Industri Kecil Sederhana
PPD	-	Pusat Perkhidmatan Daerah
ZPKN	-	Zon Pelancongan Khas Negara

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soalselidik Pelancong	232
B	Borang Soalselidik Peniaga	236
C	Soalan Temubual Mendalam Informan	240
D	Fotograf Kawasan Kajian	242
E	Pelan Gunatanah Kawasan Kajian	246

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem hierarki petempatan di Malaysia telah mengkategorikan pusat-pusat petempatan mengikut kelas tertentu bersesuaian dengan tahap fungsi dan jumlah penduduknya. Secara umumnya, wujud beberapa kategori petempatan seperti Pusat Utama, Pusat Perantara dan Pusat Tempatan yang akan di bincangkan di dalam bab seterusnya. Setiap kategori ini memainkan fungsi penting dalam setiap hierarki petempatan. Pusat utama misalnya memainkan peranannya dalam menawarkan fungsi bersifat metropolitan yang lebih besar dan kompleks sebagai contoh bandaraya Johor Bahru, Kuantan dan Ipoh. Pusat perantara pula merupakan banda-bandar satelit yang menjadi penghubung diantara bandar dan luar bandar. Manakala pusat tempatan pula kebiasaannya menawarkan fungsi dalam lingkungan yang lebih kecil seperti di kawasan luar bandar.

Kepesatan pusat perkhidmatan kini telah banyak memberi impak positif dalam membangunkan sektor ekonomi di kawasan luar bandar. Walaupun fungsi pusat perkhidmatan luar bandar (PPLB) ini amat terhad berbanding bandar utama, namun kepentingan fungsi dan peranannya adalah sangat diperlukan. Kepentingan ini menjadikan ia sebagai pusat tumpuan (*node*) di dalam sesebuah petempatan yang menjalankan aktiviti sosio-ekonomi serta menawarkan pelbagai kemudahan kepada masyarakat sekitarnya. Fungsi pusat perkhidmatan di setiap hierarki ini di lihat penting dan signifikan dalam menjadi penggerak kepada pembangunan sesebuah bandar.

Terdapat banyak faktor yang menggalakkan perkembangan PPLB. Faktor itu boleh dilihat berdasarkan kepada dua ciri: pertama, pertumbuhan penjana ekonomi kawasan khususnya penggunaan sumber alam; dan kedua, kewujudan sifat istimewa kawasan khususnya keadaan fizikal yang berguna dalam proses pembangunan wilayah. Kedua-dua ciri ini dilihat mampu menjadi antara pemangkin kepada perkembangan sesebuah pusat perkhidmatan di kawasan luar bandar. Ciri-ciri yang membolehkan perkembangan ekonomi ini kebanyakannya sedia ada wujud di kawasan luar bandar. Aktiviti pelancongan pantai dan pelancongan-eko merupakan antara produk yang diketengahkan di kebanyakan kawasan luar bandar bagi memanfaatkan hasil sumber yang wujud.

Berdasarkan Laporan Prestasi Pelancongan (2017) kedatangan pelancong yang masuk ke Malaysia adalah sebanyak 49 peratus dan tujuan mereka datang adalah untuk bercuti di kawasan luar bandar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 46 peratus aktiviti pelancongan adalah melibatkan aktiviti pulau dan pantai. Keduanya adalah pelancongan melibatkan warisan dan sejarah (34 peratus) serta pelancongan desa dan budaya sebanyak 27 peratus. Kedatangan pelancong yang tinggi ke kawasan luar bandar menunjukkan bahawa pelancong masih lagi tertarik dengan sumber semulajadi, warisan dan budaya yang terdapat di kawasan luar bandar. Kedatangan pelancong masuk ke kawasan luar bandar pula adalah menerusi pusat-pusat perkhidmatan atau bandar-bandar kecil yang berhampiran dengan kawasan pelancongan sedia ada terlebih dahulu.

Walau bagaimanapun, PPLB dilihat masih belum dapat memainkan fungsi dan peranan dengan sepenuhnya. Perkembangan yang perlahan menyebabkan PPLB masih tidak dapat memanfaatkan fungsi dan peranannya yang sebenar berasaskan sumber semulajadi serta keistimewaan fizikal setempat. Peranan pusat perkhidmatan dalam pelancongan misalnya boleh diketengahkan dan ia merupakan sumber ekonomi berasaskan sumber setempat. Oleh itu, melihat wujudnya potensi yang kurang dicungkil, maka potensi fungsi dan peranan pusat perkhidmatan perlu dikaji.

1.2 Penyataan masalah

Pusat perkhidmatn luar bandar merupakan pusat petempatan yang menjadi penghubung diantara kawasan luar bandar dengan bandar utama. Rangkaian diantara luar bandar dengan bandar dapat dilihat melalui kesinambungan peranannya dalam menghubungkan kedua-dua kawasan terbabit. Negara kita yang kaya dengan pelbagai sumber alam semulajadi telah menjadi tarikan kepada pelancong untuk datang dan berkunjung ke Malaysia. Pelbagai perancangan dan pembangunan dalam sektor pelancongan untuk mengoptimumkan kelebihan ini untuk dijadikan sebagai salah satu sumber ekonomi negara amnya dan kepada penduduk luar bandar khususnya. Aktiviti pelancongan di luar bandar akan berkembang dan PPLB akan menjadi nadi penggerak dalam memastikan segala aktiviti, kemudahan dan infrastruktur kepada pelancong dapat disediakan dengan baik dan mencukupi. Meskipun dalam kuantiti yang sedikit dan kualiti agak sederhana, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan adalah untuk memenuhi permintaan terhad pengunjung dalam sesuatu masa.

Oleh itu, perancangan dan pembangunan berkaitan aktiviti ekonomi, kemudahan dan infrastruktur pelancongan perlu dititik beratkan. Sekiranya kebergantungan ekonomi kawasan luar bandar berterusan kepada aktiviti output pertanian konvensional, perkembangan wilayah diantara kawasan luar bandar dengan bandar boleh terjejas. Wilayah Pantai Barat (Kuala Lumpur, Melaka, Ipoh) dan Wilayah Selatan (Johor) yang lebih berkembang maju misalnya sudah mejadikan aktiviti industri dan perkhidmatan sebagai sumber utama ekonominya. Wilayah Pantai Timur terutamanya di Zon Pelancongan Khas Negara (ZPKN) juga boleh berkembang kerana wujudnya sumber yang banyak untuk di eksploitasi. Aktiviti ekonomi bercorakkan perkhidmatan perlu diperluaskan. Untuk itu perkhidmatan dalam aktiviti pelancongan difikirkan sesuai bagi mengoptimumkan alam semulajadi sebagai sumber ekonomi sekaligus kelestarian kawasan dapat dikekalkan. Walaupun begitu, masih terdapat beberapa isu dan masalah berkait rapat antara aktiviti pelancongan dengan PPLB di kawasan kajian, antaranya adalah:-


i. Akses pelancongan di luar bandar yang terhad

Sesebuah pusat perkhidmatan memerlukan kemudahan dan infrastruktur yang seimbang dan mudah di akses. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan merupakan salah satu indikator penting dalam mewujudkan kehidupan yang selesa khususnya untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Kemudahan asas terbahagi kepada dua iaitu perkhidmatan sosial dan kemudahan awam. Kemudahan sosial ialah pendidikan, kesihatan dan keselamatan, Kemudahan awam pula merangkumi bekalan air, elektrik, pengangkutan, sistem sanitasi dan sistem pembuangan sampah. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan yang dapat dinikmati oleh masyarakat dengan mudah menunjukkan masyarakat di sesuatu kawasan tersebut mempunyai kualiti hidup yang baik manakala jika sebaliknya menggambarkan kualiti hidup sesebuah masyarakat yang rendah. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan yang sempurna atau kurang sempurna berupaya mempengaruhi kualiti kehidupan masyarakat di kawasan luar bandar. Keadaan ini seterusnya menimbulkan masalah yang berantai di mana masih lagi terdapat sesetengah kawasan yang penduduknya mempunyai tahap aksesibiliti yang rendah terhadap kemudahan. Penduduk yang mempunyai tahap aksesibiliti yang rendah kebanyakan terdapat di kawasan terpencil dan mempunyai kesukaran untuk melakukan perjalanan. Hal ini juga menyebabkan akses untuk aktiviti pelancongan juga terhad dan kurang di kunjungi oleh pelancong luar.

Pengangkutan dan jalan perhubungan yang baik memainkan peranan yang penting dalam menentukan darjah aksesibiliti masyarakat ke sesuatu lokasi yang ditujui. Jarak antara tempat kediaman yang jauh atau dekat akan menyebabkan sesetengah kemudahan tersebut mudah dikunjungi atau tidak. Tahap aksesibiliti yang rendah menyebabkan kemudahan infrastruktur tidak dapat dicapai dengan sempurna, keadaan ini secara langsung menyebabkan pertumbuhan limpahan ekonomi tidak dapat dirasai oleh sesetengah penduduk. Hal yang sama turut dapat dirasai oleh pelancong. Kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk penduduk setempat, sebahagiannya akan turut digunakan oleh pelancong dan ia di kongsi bersama. Sekiranya aksesibilitinya rendah dan sukar di capai, sesebuah kawasan pelancongan akan mula dilupai dan kurang dipilih sebagai destinasi pilihan di masa hadapan.

ii. Pengagihan fungsi yang tidak seimbang

Sesetengah kawasan yang mengalami lebih penyediaan kemudahan akibat diletakkan dikawasan yang tidak berpotensi sehingga ianya jarang digunakan dan dimanfaatkan penduduk. Sesetengah kawasan yang mempunyai penduduk yang sedikit dan populasi rendah, tidak memerlukan kemudahan yang kompleks dan besar. Sebaliknya, pengagihan kemudahan masyarakat yang mencukupi dan seimbang perlu mengikut hierarki, lokasi yang bersesuaian dan keperluan penduduk (PLANMalaysia, 2013). Perancangan dan perletakan kemudahan masyarakat perlu berlandaskan konsep kejiranan yang mana menitik beratkan kemudahsampaian kepada pengguna dalam jarak berjalan kaki yang praktikal kepada semua golongan dengan penyediaan kemudahan seperti laluan pejalan kaki, kemudahan pengangkutan awam, lintasan pejalan kaki dan lain-lain lagi.



Sumber: Olahan Garispanduan Perancangan Kemudahan, 2013

Rajah 1.1 (a) Konsep penyediaan kemudahan masyarakat yang tidak baik
(b) Konsep penyediaan kemudahan masyarakat yang disarankan

iii. Penyediaan fungsi yang terhad dan kekangan dana

Pusat perkhidmatan luar bandar kebiasaanya menyediakan fungsi yang terhad untuk menampung keperluan penduduk dalam tampungannya sahaja. Hal ini juga berkaitan dengan kadar penawaran dan permintaan yang mempengaruhi sesebuah petempatan. Sekiranya sesebuah pusat perkhidmatan mempunyai permintaan yang rendah, penawaran yang ditawarkan juga adalah rendah dan terhad. Demikian juga dengan penyediaan infrastruktur dan kemudahan pelancongan luar bandar, kebiasaanya di sediakan oleh pihak berkuasa tempatan berdasarkan keperluan minimum atau takat populasi sesebuah petempatan. Manakala penyediaan kemudahan untuk pengunjung luar atau pelancong disediakan berdasarkan

Penyediaan kemudahan bagi fungsi khas pelancongan seperti jeti, penginapan hotel, pengangkutan awam, dan kawasan rekreasi secara terperinci adalah memerlukan kajian dan pemerhatian yang lebih komprehensif serta memerlukan sumber kewangan yang khusus untuk menjalankannya. Disebabkan oleh kekangan tersebut, terdapat beberapa kawasan pelancongan yang tidak dapat mencapai tahap yang optimum fungsinya. Penyediaan fungsi yang kurang optimum ini banyak menyebabkan kawasan pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan tidak dapat berkembang dan memenuhi keperluan semasa.

Fungsi yang kurang optimum ini juga disebabkan oleh penyediaan fungsi sokongan yang tidak lengkap dan berkesan oleh pihak berwajib. Antara fungsi sokongan bagi aktiviti pelancongan adalah pusat informasi pelancongan, papan tanda, jadual pengangkutan awam, informasi kawasan pelancongan dan pelbagai lagi. Meskipun fungsi ini telah wujud dan berfungsi dengan baik di kawasan bandar, namun ketersediaan dan operasinya di kawasan luar bandar masih perlu dipertingkatkan dan memerlukan dana yang tinggi. Kebergantungan penyediaan kemudahan, operasi dan dana daripada pihak berwajib sehingga kini membelenggu aktiviti pelancongan di kawasan luar bandar untuk terus berkembang. Dana dan insentif dari pihak berwajib yang terhad dan kebisaanya diberikan sekali (*one-off*) menyebabkan kebanyakan tempat pelancongan luar bandar sukar dimajukan.

1.3 Persoalan kajian

Berdasarkan kepada permasalahan diatas, dapat dinyatakan beberapa persoalan yang berbangkit dalam pengkajian. Persoalan tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Apakah fungsi yang menyumbang kepada kekuatan atau kelemahan peranan bagi sesebuah pusat perkhidmatan?
- ii. Apakah fungsi sebenar pusat perkhidmatan luar bandar di Zon Pelancongan Khas Negara?
- iii. Bagaimanakah peranan yang boleh dimainkan oleh pusat perkhidmatan luar bandar di Zon Pelancongan Khas Negara?

1.4 Matlamat dan objektif kajian

Berdasarkan kepada permasalahan dan persoalan kajian, sebahagian besar pusat perkhidmatan dikhuatiri hanya menyediakan kemudahan berdasarkan permintaan dan keperluan semasa tampungan. Oleh itu, matlamat utama kajian adalah untuk menjelaskan peranan sebenar pusat perkhidmatan luar bandar terhadap aktiviti pelancongan melalui elemen fungsi yang ditawarkan olehnya. Bagi menyokong matlamat kajian tersebut, tiga objektif kajian dibentuk supaya matlamat kajian tersebut dapat dicapai. Objektif kajian adalah seperti berikut:-

- i. Mengukur tahap penawaran (kekuatan fungsi) pusat perkhidmatan luar bandar yang menyokong aktiviti pelancongan.
- ii. Menentukan fungsi-fungsi yang menjadi asas kepada peranan pusat perkhidmatan luar bandar di Zon Pelancongan Khas Negara
- iii. Merumuskan peranan yang boleh dimainkan oleh pusat perkhidmatan luar bandar di Zon Pelancongan Khas Negara.

Jadual 1.1 Ringkasan Persoalan dan Objektif Kajian

Bil	Persoalan kajian	Objektif kajian
i	Apakah fungsi yang menyumbang kepada kekuatan atau kelemahan peranan bagi sesebuah pusat perkhidmatan?	Mengukur tahap penawaran (kekuatan fungsi) pusat perkhidmatan luar bandar yang menyokong aktiviti pelancongan.
ii	Apakah fungsi sebenar pusat perkhidmatan luar bandar di Zon Pelancongan Khas Negara?	Menentukan fungsi-fungsi yang menjadi asas kepada peranan pusat perkhidmatan luar bandar di Zon Pelancongan Khas Negara
iii	Bagaimanakah peranan yang boleh dimainkan oleh pusat perkhidmatan luar bandar di Zon Pelancongan Khas Negara?	Merumuskan peranan pusat perkhidmatan terhadap aktiviti pelancongan di Zon Pelancongan Khas Negara.

1.5 Skop kajian

Sebelum sesuatu kajian dilakukan, terdapat beberapa batasan kajian serta skop yang perlu dikenal pasti dan di ambil kira. Skop kajian ini perlu supaya kajian berada di dalam batasan tertentu dan terkawal pemboleh ubahnya. Antaranya limitasi dalam kajian ini adalah pemilihan kawasan kajian, persempadanan kawasan, jumlah sampel yang diperlukan, serta jenis sampel yang akan di kaji. Manakala delimitasi dalam kajian pula adalah perincian terhadap perkara utama dalam kawalan yang perlu diketengahkan. Atas faktor batasan masa dan tenaga, delimitasi kajian ini akan meperincikan faktor pusat perkhidmatan yang menjadi pilihan kajian. Terdapat kira-kira 48 buah pusat perkhidmatan yang berada dalam Zon Khas Pelancong Negara meliputi sebahagian negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor (Rujuk Bab 4: Kerangka dan Methodologi Kajian)

Oleh kerana kajian memerlukan dua jenis sampel yang berbeza dalam satu kawasan, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah persampelan rawak bersrata (*stratified sampling*). Berdasarkan kaedah tersebut, sebanyak 240 sampel dikumpulkan. Dua jenis sampel iaitu pengusaha/peniaga dan pelancong luar perlu di

ambil secara rawak dalam sempadan kawasan kajian. Manakala had sempadan kawasan kajian (pusat perkhidmatan) adalah tertakluk dan mengikut had sempadan pentadbiran PBT di setiap lokasi kajian. Hanya kawasan pusat perkhidmatan (pusat bandar) sahaja dijadikan kawasan kajian dan kawasan untuk mengumpulkan sampel, manakala kawasan lebihan PBT (kawasan luar dari pusat bandar) tidak akan dikira sebagai kawasan kajian.

Pemilihan kawasan kajian adalah mengambilkira lokasi pusat perkhidmatan (bandar kecil) yang terdapat di dalam ZPKN berdasarkan kepada RFN ke-2. Zon khas ini meliputi kawasan di sepanjang pesisir pantai di empat buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak PPLB di dalam ZPKN terbabit untuk dijadikan kawasan kajian. Oleh itu, beberapa kriteria pemilihan ditetapkan untuk mendapatkan PPLB yang benar-benar rasional untuk dikaji. Antara kriteria tersebut adalah populasi kawasan tidak melebihi 30,000 orang, terletak dalam koridor ZPKN dan mempunyai fungsi-fungsi atau aktiviti pelancongan.

1.6 Organisasi tesis

Kajian ini di bahagikan kepada tujuh bab utama dan ianya dipecahkan kepada beberapa pecahan iaitu; satu bab sebagai pendahuluan, satu bab sebagai teori kajian, satu bab berkaitan latarbelakang kawasan kajian, satu bab berkaitan metodologi kajian, dua bab bagi analisis kajian dan satu bab terakhir sebagai kesimpulan dan perbincangan. Bab 1 merupakan bahagian pendahuluan yang menjelaskan istilah atau maksud yang berkaitan dengan kajian. Selain itu, bab ini juga akan menjelaskan isu dan masalah berkaitan kajian, huraian persoalan, matlamat dan objektif kajian serta skop penyelidikan.

Manakala bab 2 pula akan menjelaskan berkaitan elemen fungsi yang terdapat di dalam kajian teori serta kajian terdahulu. Peringkat ini adalah penting bagi memberi penjelasan berkaitan fungsi-fungsi yang di mainkan oleh sesebuah pusat perkhidmatan. Fungsi-fungsi ini kemudian akan memberi kesan kepada aktiviti sekitar

seperti pelancongan. Bab 3 pula melihat dari aspek dasar dan strategi negara dalam pembangunan PPLB serta menjelaskan latar belakang fizikal Zon Pelancongan Khas Negara. Penumpuan dalam bahagian ini berkaitan dasar pembangunan yang telah dirangka oleh pihak berwajib di Zon Pelancongan Khas Negara (meliputi kawasan pantai Kelantan, Terengganu, Pahang dan pantai barat Johor) serta perancangan pada masa akan datang terhadap pembangunan pusat perkhidmatan tersebut.

Bab 4 menjelaskan kerangka dan metodologi kajian. Perincian di berikan meliputi kaedah pemilihan pusat perkhidmatan, kaedah pemilihan sampel (pelancong dan peniaga) serta kaedah pengumpulan maklumat dan data sekunder lain. Selain itu, bab tersebut juga akan memperincikan kaedah analisis yang menggunakan teknik “*descriptive statistic*”, kaedah pemerhatian dan pengiraan di lapangan serta batasan kajian. Bab 5 akan memerincikan fungsi pusat perkhidmatan di dalam Zon Pelancongan Khas. Penekanan terhadap aspek klasifikasi fungsi dan taburan unit fungsi bandar di dalam kawasan kajian di jelaskan. Seterusnya bahagian ini menilai kekuatan unit fungsi secara keseluruhan dan indeks kepusatannya serta menentukan tahap fungsi pelancongan yang terdapat bagi setiap bandar.

Bab 6 pula membincangkan persepsi pelancong terhadap peranan pusat perkhidmatan di dalam ZPKN ini. Perbincangan ini meliputi peranan pusat bandar kecil tersebut dalam mempengaruhi fungsi-fungsi pelancongan yang terdapat didalamnya. Kekuatan sesuatu unit fungsi pelancongan juga boleh diukur serta membincangkan apakah faktor yang memberi implikasi terhadap keadaan tersebut. Bab 7 adalah bahagian penemuan kajian dan penutup yang akan membincangkan semula dapatan dan perbincangan kepada semua implikasi. Di akhir bahagian ini, kajian lanjutan dan implikasi kajian yang sesuai akan dikenal pasti untuk di manfaat kajian pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Adam dan Dunlop (1976). *Market Center and Retail Location: Theory and Application*. New Jersey: Prentice Hall Press
- Ahmad Nazrin Aris Haji Anuar. (2008). *Keberkesanan Program Bandar Selamat dari Persepsi Pelancong Singapura (Kajian Kes: Bandaraya Johor Bahru)*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Sains.
- Amran H. & Hairul Nizam I. (2000). 'A Tale Of Three Kampung: A Comparative Study Of The Homestay Programme Kampung Banghuris': Paper Presented At Seminar On Rural Small And Medium Scale Industries In The Globalisation Era, Universiti Teknologi Malaysia, 11 – 13 September 2000.
- Andrew, L. & Gibson, H. (2003). Tourist Roles, Perceived Risk and International Tourism. *Annals of Tourism Research*. 30(3): 606–624.
- Azman Hj. Awang (1984). Small towns, olds new: their status in the national settlement structure in West Malaysia. Dlm Kammeier, H. D dan Swan, P.J (pnyt.). *Equity with Growth planning perspective for small own in developing countries*, hlm 248-259. Bangkok: Asian Institute of Technology.
- Baker, J. (1990). The growth and function of small urban centers in Ethiopia. Dlm. Baker, J. (pnyt.) *Small town Africa: studies in rural-urban interaction*, hlm. 209-227. Uppsala: The Scandinavian Institute of African Studies.
- Bakeri, Amaluddin & Ramli, Zuliskandar & Er, Ah Choy & Awang, Azahan (2017). *Rebakan Bandar Dan Kenaikan Harga Hartanah: Kajian Awal Impak Terhadap Masyarakat Melayu Pinggir Bandar Di Hulu Langat Selangor*. Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-6 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu, At Bangi, Volume: 1

- Bowen, B.D. dan Weisberg, H.F. (1977). *An Introduction to Data Analysis*. San Francisco: W.H Freeman and Company
- Carter, H (1990). *Urban and Rural Settlement*. Landon, Longman Group Ltd.
- Christaller, W. (1933). *Central Places in Southern Germany*, translated by C. W. Baskin (1966), Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Chua YP (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Mcgraw-Hill Education.
- Cohan, M, English, J. and Brookfield, H. (1977). Functional diversity at the base of the urban system in Peninsular Malaysia. *The Jurnal of Tropical Geoghrapy* 45; 12-25
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*, (2nd Ed). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches* (4th edition). Thousand Oaks, California: SAGE Publications.
- Creswell, J., dan Plano Clark, V. (2011). *Designing and Conducting. Mixed Methods Research* (2nd Ed.). Thousand Oaks, California: SAGE Publications
- Darkoh, Michael. (1977). Growth Poles and Growth Centers with Special Reference to Developing Countries - A Critique. *The Journal of Tropical Geoghrapy*. 44. 13 - 21.
- Dawkins, C. J. (2003). *Regional Development Theory – Conceptual Foundations Classis Works, and Recent Developments*. Journal of Planning Literature.
- E.Zabardash (2004). *Size of a City*. Iran Center for Achitecture and City Planning, Tehran, p.36
- Esther Martinez-Garciaa, & Josep Ma. Raya. (2008). Length of Stay for Low-Cost Tourism. *Tourism Management*. 2: 1064–1075

- Ewing, R.H. Characteristics (1994). Causes, and Effects of Sprawl: a Literature Review. *Environment and Resource Issues*. 1994. 21: 2.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to design and evaluate research In education* (8th ed.). New York: Mc Graw Hill.
- Friedmann, J. (1981). The active community: toward a political-territorial framework for rural development in Asia. Dlm. Misra, R.P. (pnyt.). *Rural development: national policies and experiences*. 231-272. Nagoya: UNCRD
- Funnell, D. C. (1976). The role of small town service center in regional and rural development: with special reference to Eastern Africa. Dlm Gilbert. A. (pnyt.). *Development planning and spatial structure*. Hlm. 77-111. London: John Wiley & Son.
- Gaworecki W.W. (2003). *Turystyka*. Warszawa: PWE.
- Gerald B.(1966). *Urbanization and Urban Growth in The Caribbean*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ghazali Darussalam. (2003). *Penilaian keberkesanan kursus diploma perguruan Malaysia, pengkhususan pengajian agama Islam*. Tesis Ph.D (tidak diterbitkan), Universiti Malaya.
- Gredler, M. E. (1996). *Learning and instruction: theory into practice* (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Prentice-Hall.
- Hair, J., Black, W., Babin, B., Anderson, R., & Tatham, R. (2010). *Multivariate data analysis* (7th ed.). Uppersaddle River, N.J.: Pearson Prentice Hall.
- Hamid Saad (2000). *Ciri dan Peranan Bandar Kecil Dalam Pembangunan Wilayah: Kajian di Wilayah Johor Tenggara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.Tesis Doktor Falsafah.
- Hanafiah. M.H. (2010). Tourism Demand in Malaysia: A Cross-Sectional Pool Time-Series Analysis. *International Journal of Trade, Economics and Finance*. 1(2): 200–203.

- Hanirah Mohamad Nur. (2007). *Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Keselamatan (Kajian Kes: Daerah Johor Bahru)*. Projek Sarjana Sains, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hansen, N. M. (1972). Criteria for a growth centre policy. Dlm Kulklinki, A (pnyt.). *Growth poles and growth center in regional planning*, hlm. 102-124. Mouton: UNRISD.
- Hirschman, Albert O. (1958). *The Strategy of Economic Development*. pp 217. New Haven, Conn.: Yale University Press.
- Hirschman, Albert O. (1977). A Generalized Linkage Approach to Development, with Special References to Staples. In *Essays on Economic Development and Cultural Change in Honor of Bert F. Hoselitz*, edited by Manning Nash. Chicago: University of Chicago Press.
- Hua AK (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Hugo, G. (1996). *Urbanization in Indonesia: city-countryside linked*. Gugler, J. (pnyt.). *The urban transformation in the developing world*, hlm. 107-125. Oxford: Oxford University Press.
- Hugo. G. (2003). Urbanization in Asia: an overview. Kertas kerja di *Conference on African Migration in Comparative Perspectives*, Johannesburg, Afrika Selatan, 4-7 Jun.
- Iklós, Pakurár & Oláh, Judit (2019). Definition of Rural Tourism and Its Characteristics In The Northern Great Plain Region.
- Irshad, H. (2010). Rural tourism—an overview. Edmonton: Rural Development Division, Government of Alberta.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2006). *Dasar Perbandaran Negara*. Kuala Lumpur: JPBD dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.

- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2010). *Rancangan Fizikal Negara Kedua (RFN2)*. Kuala Lumpur: JPBD dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2016). *Dasar Perbandaran Negara kedua (DPN2)*. Kuala Lumpur: JPBD dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2016). *Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN3)*. Kuala Lumpur: JPBD dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). *Population and housing census of Malaysia 2010*. Kuala Lumpur.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2017). *Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2017). *Siri Laporan Penyiasatan Migrasi Malaysia 2017*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia
- Jabatan Siasatan Jenayah Negeri (2017). *Statistik Jenayah yang Melibatkan Pelancong Asing 2015-2016*. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.
- Johnson, E.A.J (1970). *The Critical Role of Market Towns in Modernizing the Landscapes of Underdeveloped Countries: The Organization of Space in Development Countries*. (pp. 178–207). Cambridge, mass: Harvard University Press.
- Johnson, R. B., & Christensen, L. (2013). *Educational research: Quantitative, qualitative, and mixed approaches* (5th ed.). California: SAGE Publications Inc.
- Juan L. Nicolau. & Francisco J. Más. (2005). Heckit Modelling of Tourist Expenditure: Evidence From Spain. *International Journal of Service Industry Management*. 16(3): 271–293

- Katiman Rostam (1991). The roles of service center on rural development: a study of the settlement of Hilir Perak, Malaysia, *Akademia* 38: 29-58.
- Katiman Rostam (2000). Pemandangan dalam era globalisasi: Beberapa kesan terhadap ruang ekonomi desa di pinggiran metropolitan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Alam, Manusia dan Pembangunannya di Malaysia: Dasar Strategi dan Kelestariannya*. Pada 19 Jun 2000, Bangi: Tidak diterbitkan.
- Katiman Rostam (2001). *Dasar Dan Strategi Petempatan Dalam Pembangunan Negara*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Khairul Hisyam Kamarudin (2013). Pembangunan Wilayah di Malaysia. Nota Kuliah dalam Ibrahim Ngah (2013). *Overview of Regional Development in Malaysia*. Academia
- Kirkby, R, Bradbury, I & Shen, G. (2000). *Small town China: governance, economy, environment and lifestyle in Three Zen*. Aldershot: Ashgate Publishing.
- Klaus De Albuquerque & Jerome McElroy. (1999). Tourism and Crime in the Caribbean. *Annals of Tourism Research*. 26(4): 968–984
- Lane, B. (1994) What is rural tourism? *Journal of Sustainable Tourism* 2, 7–12.
- Li, Bingqin & An, Xiangsheng. (2009). Migration and small towns in China: power hierarchy and resource allocation. *Working Paper Series on Rural-Urban Interaction and Livelihood Strategies* (Paper no 16). International Institute for Development and Environment. July 2009.
- Losch A. (1954). *The Economics of Location*. New Haven: Yale University Press. pp. xxviii -520
- Majlis Daerah Kota Tinggi (2016), *Rancangan Tempatan Daerah Kota Tinggi 2020*. Kuala Lumpur: JPBD Semenanjung Malaysia dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia.

- Majlis Daerah Mersing (2016). *Rancangan Tempatan Daerah Mersing 2018*. Kuala Lumpur: JPBD Semenanjung Malaysia dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Majlis Daerah Pasir Puteh (2011). *Draf Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Puteh 2020*. Kuala Lumpur: JPBD Semenanjung Malaysia dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Majlis Daerah Pekan (2007). *Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2002-2015*. Kuala Lumpur: JPBD Semenanjung Malaysia dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Majlis Daerah Rompin (2007). *Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2002-2015*. Kuala Lumpur: JPBD Semenanjung Malaysia dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Majlis Derah Besut (2009). *Rancangan Tempatan Daerah Besut 2020*. Kuala Lumpur: JPBD Semenanjung Malaysia dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Majlis Derah Marang (2009). *Rancangan Tempatan Daerah Marang 2008-2020*. Kuala Lumpur: JPBD Semenanjung Malaysia dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Majlis Derah Tumpat (2011). *Rancangan Tempatan Jajahan Tumpat 2008-2020*. Kuala Lumpur: JPBD Semenanjung Malaysia dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Majlis Perbandaran Kemaman (2007). *Rancangan Tempatan Daerah Kemaman 2003-2015*. Kuala Lumpur: JPBD Semenanjung Malaysia dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Malaysia (2015). *Rancangan Malaysia Kesebelas*. Kuala Lumpur: Percetakan Malaysia.
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass.

- Morseley, M. J. (1976). The role of small towns in rural regions. Dlm. Drudy, D.J. (pnyt.). *Regional and rural development: Essays in theory and practice*, hlm. 51-58. Chalfont St. Giles, Bucks: Alpha Academic.
- Myrdal, G. (1968). *Economic Theory and Underdeveloped Regions*. London: Methuen & Co., Ltd., 1963. *Asian Drama: An Inquiry into the poverty of Nation*. New York; Pantheon.
- Nunnally, J. C. and Berstein, I. H. (1994), *Psychometric Theory* (3rd ed.), New York: McGraw-Hill.
- Oppermann, M dan Kyle-Sung Chon (1997). *Tourism In Developing Countries*. London: International Thomson Business Press.
- Owusu. G. (2005). *The role of district capitals in regional development: linking small towns, urban rural linkages and decentralization in Ghana*. PhD Tesis, Geography Department, Faculty of Social Sciences and Technology Management, Norwegian University of Science and Technology. Jabatan Geografi, Fakulti Sains Sosial dan Pengurusan Teknologi, Universiti Sains dan Teknologi Norweigan.
- Pallant, J. (2013). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS* (4th Ed.). Crows Nest, NSW: Allen dan Unwin.
- Parhanse. R. (2007). Peripheral town development: Senqu Municipality, Eastern Cape Province, South Africa. *Urban Forum*. Vol 18: 105-115.
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage.
- PLANMalaysia (2017). *Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030*. Kuala Lumpur: PLANMalaysia dan Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Riddel, R. (1985). *Regional development policy: the struggle for rural progress in low-income nations*. New York: St. Martin's Press

- Rondinelli, D. A. (1984). *Small towns in developing countries: potential centers of growth, transformation and integration*. Dlm Kammeimer, H.D. & Swan P. J. (pnyt.). Equity with growth? Planning perspective for small town in developing countries, hlm 10-48. Bangkok: Asian Institute of Technology.
- Rondinelli, D. A. dan Rundle, K. (1978). *Urbanization and Rural Development*. New York; Praeger Publishers.
- S.T.Wong dan K. M. Saigol (1984). *Comparison of the Economic Impact on six Growth Centres on Their Surrounding Rural Area, Enviroment and Planning*. Vol 16, Issue 1, pp. 81 – 94. Department of Geography, Simon Fraser University, Canada.
- Sekaran, U., dan Bougie, R. (2010). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*: John Wiley dan Sons.
- Sharpley, R. & Telfer, D.J. (2002) *Tourism and Development: Concepts and Issues*. Channel View Publications, Clevedon.
- Shuib, A. & Mohd. Nor, N. A. (1989). Analisis Permintaan Pelancongan di Malaysia. *Pertanika*. 12(3): 425–432.
- Sunil Kappal (2016). *Statistics for Rookies: Learn Data-Driven Decision-Making the Fun Way*. E-book
- Sumana Chatterjee (2014). The ‘Rurban’ Society in India: new facets of Urbanism and its Challenges, IOSR Journal Of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS) Volume 19, Issue 8, Ver. I (Aug. 2014), PP 14-18 e-ISSN: 2279-0837
- Shaharudin Idrus. et (2015). Pemandangan di Malaysia: Peralihan daripada Kefungsian Hierarki kepada Kefungsian Berasaskan Jaringan, Jurnal Perspektif Jil. 5 Bil. 2 (44-59) ISSN 1985 - 496X
- Sutiprapa, J, Mitharanon. P, Watana. P & Taestrikul. C. (2008). *Bangkok: Globalising the City of Angel* (ms 62-108) dalam Jones G.W dan Douglass. M (ed.). 2008. Mega Urban Regions in Pasific Asia. Urban Dynamics in a Global Era: Singapore. NUS Press.

- Tacoli C.(1998). Rural- urban interaction: A guide to the literature. *Environment and Urbanization* 10 (1) (April), 147-166
- Tommy. F. (2000). *Rural to Urban Land Conversion in Indonesia during Boom & Bust Periods*. Land Use Policy. 17 (1). 13-20
- Tourism Malaysia (2016). *Bilangan Hotel dan Motel Berdaftar Mengikut Negeri 2016*.Kuala Lumpur: Kementerian Pelancongan Malaysia.
- Uysal, M. & Hagan, L. (1993). Motivations of Pleasure Travel and Tourism. in M. Khan, M. Olsen, & T. Var (Eds.), *Encyclopedia of Hospitality and Tourism*. New York: Van Nostrand Reinhold. 798–810.
- Vikneswaran Nair, Uma Thevi Munikrishnan, Sushila Devi Rajaratnam & Natalie King (2015). Redefining Rural Tourism in Malaysia: A Conceptual Perspective, *Asia Pacific Journal of Tourism Research*, 20:3, 314-337, DOI: 10.1080/10941665.2014.889026
- Vogel M.P. & Abdul Hamid M.H. 2005. Developing Community Based Tourism At The Kinabatangan Basin: A Review Of The Mescot Project : Paper Presented At Seminar On Pro Poor Tourism : Mechanism & Mainstreaming, Universiti Teknologi Malaysia, 4 – 6 May 2005.
- Wan Maznah Wan Harun, Rosniza Aznie Che Rose & Azahan Awang (2016). Pemandaran Dan Kemudahterancaman Isi Rumah Pinggir Bandar Raya Metropolitan Kuala Lumpur, *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space*: 12 issue 14 (41-49)
- Wayne Senville (2000). Sprawl Guide: Increased Auto Dependence and Fuel Consumption, *Planning Commissioners Journal*, PlannersWeb, Burlington
- Wong T. C. (1989). *The Resource Frontier Strategy in Peninsular Malaysia: Case Studies of Pahang Tenggara and KESEDAR Regions*. Canberra: Australian National University. Tesis Doktor Falsafah

WTO. (1991). *International Conference on Youth Tourism: Final Report*. Madrid: World Tourism Organization.

Yazid Saleh, Katiman Rostam & Mohd Yusof Hussain. (2012). Perubahan Fungsi Bandar Kecil: Pengalaman Tanjong Malim, Perak. *Akademika*. Vol 82 (3). 11-22.

Yazid Salleh, Katiman Rostam dan Mohd Yusof Hussain (2011). Model Hierarki Kefungsian Dan Pusat Pertumbuhan Sebagai Asas Bagi Merancang Kawasan Luar Bandar di Malaysia: Bukti dari Daerah Batang Padang. *Malaysia Journal of Society and Space 7: Special issue: Social and Spartial Callengers of Malaysia Cevvelopment* (66-79).